

FAKTOR –FAKTOR YANG MEMPENGARUHI GEJALA PONTENG  
DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

HOW LEE CHAN

Laporan kajian ini dikemukakan sebagai memenuhi  
Syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan  
(Psikologi Pendidikan)

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

MEI 2007

## PENGHARGAAN

Penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang infiniti kepada Prof. Madya Dr. Hj. Azizi bin Yahaya, penyelia Projek Sarjana ini akan segala tunjuk ajar, nasihat, bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh saya menyempurnakan projek ini. Semoga beliau akan terus cemerlang dan mendapat ganjaran pahala dan kenikmatan hidup di dunia dan akhirat.

Penghargaan dan terima kasih ini juga saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Othman Mohamad. Johan, Prof. Madya Dr. Abdul Hafidz bin Hj. Omar, Prof. Madya Mohamad Najib bin Abdul Ghafar, Tuan Hj Mohd Anuar Bin Abdul Rahman dan Puan Adibah Bt Abdul Latif diatas perkongsian ilmu dan bimbingan yang diberikan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk saya merealisasikan kajian ini.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng di kalangan pelajar sekolah menengah di Johor Bahru. Sampel kajian terdiri daripada 202 orang pelajar dari tingkatan dua dan empat. Pemilihan sampel kajian ini berdasarkan semakan buku kedatangan kelas dan buku pencegahan ponteng. Alat kajian yang digunakan ialah soal selidik. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science versi 14.0. Dua statistik digunakan iaitu statistik deskriptif termasuk frekuensi, peratusan dan min bagi menjawab persoalan kajian dan statistik inferensi iaitu ujian-t dan Korelasi Pearson untuk menguji hipotesis kajian. Darjah kebolehpercayaan (Alfa Cronbach) bagi intrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah 0.912. Keputusan kajian menunjukkan faktor guru merupakan faktor paling dominan yang mendorong pelajar ponteng sekolah. Kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor ponteng seperti faktor sikap pelajar, suasana sekolah, guru, rakan sebaya, keluarga dan media elektronik dengan pendapatan keluarga. Tetapi terdapat hubungan yang signifikan antara gejala ponteng dengan pencapaian akademik. Kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ponteng hati, ponteng kerana bangun lewat dan ponteng kelas berdasarkan jantina. Tetapi terdapatnya perbezaan yang signifikan antara ponteng sekolah dengan jantina di kalangan pelajar. Tahap faktor gejala ponteng di kalangan pelajar sekolah menengah secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang sederhana .

### **Abstract**

The purpose of the study is to identify the factors which influence the secondary students to truant from schools in Johor Bahru. The sample for the study includes 202 students from form two and from four. Sampling for this study is based on attendance book and Prevention of Truancy Book. Questionnaire was used as the instrument of this study. Data collected is analyzed by using SPSS Version 14.0. Two statistics are used such as descriptive statistics including percentage frequency and min. Statistical inference t-test and Correlations Pearson. The alfa cronbach for this instrument was 0.912. It shows that the realibility is high. Results of the study shows that teachers factor as the most dominant factor influencing the student to truancy from school. This research also shows that there is no significant relation between factors influencing school truancy such as individual factor, condition of school, teachers, peers group, family and electronic media with family income. But it is significant relation between school truancy with their academic achievement. The finding also indicated that there were no significant difference in type of school truancy such as “heart truncy”, late awakened and class truancy between male and female. But significant difference school truancy between male and female. The level of factors which influence secondary students in school truancy was found at moderate level.

**KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JUDUL</b>	viii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii

**BAB 1      PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Hipotesis Kajian	11
1.7	Rasional Kajian	12
1.8	Kepentingan Kajian	13
1.9	Batasan Kajian	14
1.10	Definisi Istilah	14
1.10.1	Sikap Pelajar	15
1.10.2	Suasana Sekolah	15
1.10.3	Faktor Sekolah	16
1.10.4	Pengaruh Rakan Sebaya	16
1.10.5	Faktor Keluarga	17
1.10.6	Media Elektronik	18
1.10.7	Ponteng	18
1.10.8	Sekolah	19
1.10.9	Pendapatan Keluarga	20
1.10.10	Jantina	21
1.10.11	Tempat Tinggal	22
1.10.12	Pencapaian Akademik	22

## BAB II SOROTAN PENULISAN

2.0	Pengenalan	22
2.1	Ponteng	22
2.2	Faktor - Faktor Yang Menyebabkan Pelajar Ponteng	24
2.2.1	Sikap Pelajar	25
2.2.2	Suasana Sekolah	28
2.2.3	Peranan Guru	33
2.2.4	Rakan Sebaya	39
2.2.5	Keluarga	44
2.2.6	Media Elektronik	53
2.2.7	Kajian Terhadap Pendapatan keluarga	56
2.3	Teori-teori Ponteng	58
2.3.1	Teori Konsep Kendiri	58
2.3.2	Teori Perkembangan Identiti Erikson	59
2.3.3	Teori Pertukaran Sosial	63
2.3.4	Teori Sosial Oleh Bandura	64
2.3.4	Teori Hirarki Keperluan Maslow	66
2.3.5	Teori Behaviorisme Dalam Pembelajaran	68
2.3.6	Pelaziman Operan Burrhus Frederic Skinner	72
2.4	Penggunaan Teori Sosial Bandura Sebagai Model Kajian	75
2.5	Kerangka Model Kajian	77
2.5.1	Kepentingan Pembelajara Kepada Manusia	78
2.6	Aplikasi Teori Pembelajaran Sosial	79
2.7	Prinsip Pembelajaran	81
2.8	Rumusan Aplikasi Model kajian	85

2.9	Sorotan dalam Negara (Ponteng)	86
2.10	Sorotan Luar Negara	88
2.11	Kesimpulan	90

### **BAB III**

#### **METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	92
3.1	Reka Bentuk Kajian	93
3.2	Tempat Kajian	93
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	94
3.4	Instrumentasi	95
	3.4.1 Taburan item-item Soal Selidik	97
	3.4.2 Permakatan Skor Tahap Fenomena Ponteng	98
	3.4.3 Interpretasi Jadual	98
3.5	Kajian Rintis	99
3.6	Prosedur Kajian	100
3.7	Kadar Pulangan Soal Selidik	101
3.8	Analisis Data	101
3.9	Rumusan	105

### **BAB IV**

#### **DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	106
4.1	Huraian Latar Belakang Responden	106
	4.1.1 Jantina	107
	4.1.2 Peringkat Umur	107
	4.1.3 Kaum	108
	4.1.4 Pekerjaan Ibu Bapa Responden Sebulan	109
	4.1.5 Pendapatan Ibu Bapa Responden	111
	4.1.6 Lokasi Tempat Tinggal Responden	112



4.1.7	Tahap Pendidikan Ibu Dan Bapa Responden	112
4.1.8	Tahap Pencapaian Akademik	114
4.2	Persoalan Kajian: Apakah Faktor-faktor Yang Paling Mempengaruhi Gejala Ponteng Di Sekolah Dari Aspek Sikap Pelajar, Suasana Sekolah, Guru, Rakan Sebaya, Keluarga dan Media Elektronik	117
4.2.1	Apakah faktor sikap pelajar merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah	117
4.2.1.1	Taburan Tahap Ponteng Dari Aspek Faktor Sikap Pelajar	119
4.2.2	Apakah faktor suasana sekolah merupakan faktor utama ya menyebabkan pelajar ponteng sekolah?	120
4.2.2.1	Taburan Tahap Ponteng Dari Aspek Faktor Suasana Sekolah	123
4.2.3	Apakah faktor guru merupakan faktor utama yang menyebab: pelajar ponteng sekolah	123
4.2.3.1	Taburan Tahap Ponteng Dari Aspek Faktor Guru	126
4.2.4	Apakah faktor rakan sebaya merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah	126
4.2.4.1	Taburan Tahap Ponteng Dari Aspek Faktor Rakan Sebaya	129
4.2.5	Apakah faktor keluarga merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah	129
4.2.5.1	Taburan Tahap Ponteng Dari Aspek Faktor Keluarga	132
4.2.6	Apakah faktor media elektronik merupakan faktor utama y: menyebabkan pelajar ponteng sekolah?	132

4.2.6.1	Taburan Tahap Ponteng Dari Aspek Faktor Media Elektronik	135
4.2.6.2	Apakah Faktor Ponteng Yang Dominan	135
4.3	Apakah Jenis Ponteng Yang Paling Dominan Seperti Ponteng Hati, Ponteng Kerana Bangun Lewat, Ponteng Kelas Dan Ponteng Sekolah Di Kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng	136
4.3.1	Apakah Jenis Ponteng Yang Paling Dominan Seperti Ponteng Hati Di Kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng	136
4.3.1.1	Taburan Tahap Ponteng Hati	139
4.3.2	Apakah Jenis Ponteng Yang Paling Dominan Seperti Ponteng Kerana Bangun Lewat Di Kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng	139
4.3.2.1	Taburan Tahap Ponteng Kerana Bangun Lewat	142
4.3.3	Apakah Jenis Ponteng Yang Paling Dominan Seperti Ponteng Kelas Di Kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng	142
4.3.3.1	Taburan Tahap Ponteng Kelas	145
4.3.4	Apakah Jenis Ponteng Yang Paling Dominan Seperti Ponteng Sekolah Di Kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng	145
4.3.4.1	Taburan Tahap Ponteng Sekolah	148
4.4	Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara faktor ponteng sekolah seperti sikap pelajar, suasana sekolah, guru, rakan sebaya, keluarga dan media elektronik dengan pendapatan keluarga	149

- 4.5 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Jenis Gejala Ponteng Iaitu Seperti Ponteng Hati, Ponteng Kerana Bangun Lewat, Ponteng Kelas Dan Ponteng Sekolah Di Kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng Dengan Jantina? 154
- 4.5.1 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Jenis Gejala Ponteng Iaitu Seperti Ponteng Hati, Di Kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng Dengan Jantina 154
- 4.5.2 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Jenis Gejala Ponteng Iaitu Seperti Ponteng Kerana Bangun Lewat Di Kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng Dengan Jantina 155
- 4.5.3 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Jenis Gejala Ponteng Iaitu Seperti Ponteng Kelas Di Kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng Dengan Jantina 156
- 4.5.4 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Jenis Gejala Ponteng Iaitu Seperti Ponteng Sekolah Di Kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng Dengan Jantina 157
- 4.6 Adakah Terdapat Perhubungan Yang Signifikan Antara Jenis Gejala Ponteng Iaitu Seperti Ponteng Hati, Ponteng Kerana Bangun Lewat, Ponteng Kelas Dan Ponteng Sekolah Di kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng Dengan Pencapaian Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng? 158
- 4.6.1 Adakah Terdapat Perhubungan Yang Signifikan Antara Jenis Gejala Ponteng Iaitu Seperti Ponteng Hati Di kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng Dengan Pencapaian Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng 158

4.6.2	Adakah Terdapat Perhubungan Yang Signifikan Antara Jenis Gejala Ponteng Iaitu Seperti Ponteng Kerana Bangun Lewat Di kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng Dengan Pencapaian Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng	159
4.6.3	Adakah Terdapat Perhubungan Yang Signifikan Antara Jenis Gejala Ponteng Iaitu Seperti Ponteng Kelas Di kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng Dengan Pencapaian Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng	160
4.6.4	Adakah Terdapat Perhubungan Yang Signifikan Antara Jenis Gejala Ponteng Iaitu Seperti Ponteng Sekolah Di kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng Dengan Pencapaian Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng	161
BAB V	PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.0	Pengenalan	162
5.1	Perbincangan Hasil Kajian	162
5.1.1	Latar Belakang Responden	163
5.2	Perbincangan Hasil Kajian Faktor-faktor yang Mempengaruhi Ponteng	164
5.2.1	Perbincangan Hasil Kajian Faktor-faktor Yang Paling Dominan Mempengaruhi Gejala Ponteng Di Sekolah Dari Aspek Sikap Pelajar, Suasana Sekolah, Faktor Guru, Faktor Rakan Sebaya, Faktor Keluarga Dan Faktor Media Elektronik.	164

5.2.2	Perbincangan Hasil Kajian Jenis Ponteng Yang Paling Dominan Seperti Ponteng Hati, Ponteng Kerana Bangun Lewat, Ponteng Kelas Dan Ponteng Sekolah Di Kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng	167
5.2.3	Perbincangan Hasil Kajian Hubungan Antara Faktor Ponteng Sekolah Seperti Sikap Pelajar, Suasana Sekolah, Guru, Rakan sebaya, Keluarga dan Media Elektronik Dengan Pendapatan Keluarga?	170
5.2.4	Perbincangan Hasil Kajian Perbezaan Yang Signifikan Antara Jenis Gejala Ponteng Iaitu Seperti Ponteng Hati, Ponteng Kerana Bangun Lewat, Ponteng Kelas Dan Ponteng Sekolah Di Kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng Dengan Jantina?	174
5.2.5	Perbincangan Hasil Kajian Hubungan Antara Jenis Gejala Ponteng Iaitu Seperti Ponteng Hati, Ponteng Kerana Bangun Lewat, Ponteng Kelas Dan Ponteng Sekolah Di Kalangan Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng Dengan Pencapaian Pelajar Yang Terlibat Dalam Kes Ponteng	177
5.3	Rumusan	179
5.4	Cadangan	180
5.5	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	183
5.6	Kesimpulan	184

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Jumlah Dan Jenis Kes Ponteng Di Daerah Johor Bahru Januari-April 1998	5
1.2	Analisa Disiplin Salahlaku Di Sekolah Tahun 1999	6
3.1	Taburan Sekolah	94
3.2	Jadual Penentuan Saiz Sampel, Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970)	95
3.3	Skala Likert Dalam kajian	96
3.4	Taburan Item Soal Selidik	97
3.5	Pemarkatan Skor Faktor-faktor Paling Dominan	98
3.6	Guilford's Rule of Thumbs	98
3.7	Pekali Alpha Cronbach	100
3.8	Kadar Pulangan Borang Soal Selidik	101
3.9	Jadual Ringkasan Pengujian Statistik Objektif Kajian	102
3.10	Keputusan Analisis Nilai Kebolehpercayaan Bagi Faktor Penyebab Dan Jenis-jenis Ponteng	104
4.1.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	107

4.1.2	Taburan Responden Mengikut Peringkat Umur	107
4.1.3	Taburan Responden Mengikut Peringkat Umur dan Jantina	108
4.1.4	Taburan Responden Mengikut Kaum	109
4.1.5	Taburan Pekerjaan Ibu Responden	110
4.1.6	Taburan Pekerjaan Bapa Responden	110
4.1.7	Taburan Pendapatan Ibu Bapa Responden Sebulan	111
4.1.8	Taburan Lokasi Tempat Tinggal Responden	112
4.1.9	Taburan Tahap Pendidikan Ibu Responden	113
4.1.10	Taburan Tahap Pendidikan Bapa Responden	114
4.1.11	Taburan Bilangan Responden Mengikut Pencapaian Mata Pelajaran	116
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Sikap Pelajar	119
	4.2.1.1 Tahap Ponteng Dari Aspek Faktor Sikap Pelajar	120
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Suasana Sekolah	122
	4.2.2.1 Tahap Ponteng Dari Aspek Faktor Suasana Sekolah	123
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Guru	125
	4.2.3.1 Tahap Ponteng Dari Aspek Faktor Guru	126

4.2.4	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Rakan Sebaya	128
4.2.4.1	Tahap Ponteng Dari Aspek Faktor Rakan Sebaya	129
4.2.5	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Keluarga	131
4.2.5.1	Tahap Ponteng Dari Aspek Faktor keluarga	131
4.2.6	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Ponteng Dari Aspek Faktor Media Elektronik	134
4.2.6.1	Tahap Ponteng Dari Aspek Faktor Media Elektronik	134
4.2.6.2	Min Bagi Setiap Faktor Ponteng	135
4.3.1	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Ponteng Hati	138
4.3.1.1	Tahap Ponteng Hati	138
4.3.2	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Ponteng Kerana Bangun Lewat	141
4.3.2.1	Tahap Ponteng Kerana Bangun Lewat	141
4.3.3	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Ponteng Kelas	144
4.3.3.1	Tahap Ponteng Kelas	144
4.3.4	Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Ponteng Sekolah	147
4.3.4.1	Tahap Ponteng Sekolah	147
4.3.4.2	Min Bagi Setiap Jenis Ponteng	148
4.4.1	Korelasi Faktor Ponteng Sekolah Dari Aspek Sikap Pelajar Dengan Pendapatan Keluarga	149



4.4.2	Korelasi Faktor Ponteng Sekolah Dari Aspek Suasana Sekolah Dengan Pendapatan Keluarga	150
4.4.3	Korelasi Faktor Ponteng Sekolah Dari Aspek Guru Dengan Pendapatan Keluarga	150
4.4.4	Korelasi Faktor Ponteng Sekolah Dari Aspek Rakan Sebaya Dengan Pendapatan Keluarga	151
4.4.5	Korelasi Faktor Ponteng Sekolah Dari Aspek Keluarga Dengan Pendapatan Keluarga	152
4.4.6	Korelasi Faktor Ponteng Sekolah Dari Aspek Media Elektronik Dengan Pendapatan Keluarga	153
4.5.1	Ujian- t Bagi Kes Ponteng Hati Di Kalangan Pelajar Mengikut Jantina	154
4.5.2	Ujian- t Bagi Kes Ponteng Kerana Bangun Lewat Di Kalangan Pelajar Mengikut Jantina	155
4.5.3	Ujian- t Bagi Kes Ponteng Kelas Di Kalangan Pelajar Mengikut Jantina	156
4.5.4	Ujian- t Bagi Kes Ponteng Sekolah Di Kalangan Pelajar Mengikut Jantina	157
4.6.1	Korelasi Jenis Ponteng Hati Dengan Pencapaian Akademik	158
4.6.2	Korelasi Jenis Ponteng Kerana Bangun Lewat Dengan Pencapaian Akademik	159
4.6.3	Korelasi Jenis Ponteng Kelas Dengan Pencapaian Akademik	160
4.6.4	Korelasi Jenis Ponteng Sekolah Dengan Pencapaian Akademik	161

**SENARAI RAJAH**

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	Keperluan mengikut Hirarki Maslow	64
2.0	Model Kajian Berdasarkan Teori Pembelajaran Sosial Bandura	75

**SENARAI SINGKATAN**

KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	-	Sijil Rendah Pelajaran
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
<i>P</i>	-	Nilai Signifikan
<i>r</i>	-	Pekali Korelasi Spearman

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	200
B	Surat Kebenaran KPM	210

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Dewasa ini negara kita sibuk dengan perkembangan dan kemajuan dalam bidang teknologi maklumat, sehinggakan hampir terlupa dengan masalah remaja yang sudah lama melanda para pelajar. Masalah ini membawa impak negatif kepada pembangunan dan kemajuan negara kita pada masa hadapan. Antara masalah remaja sekolah yang menonjol ialah masalah ponteng.

Ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah dengan harapan untuk mendapatkan seberapa banyak ilmu yang ada. Melalui pendidikan, tingkah laku dapat diubah dan dibentuk dalam diri pelajar. Tingkah laku dan pengamalan akhlak yang baik sangat diharapkan oleh ibu bapa dan juga seluruh masyarakat terhadap generasi pelajar sekarang. Namun harapan ini tidak mungkin akan kesampaian jika para pelajar terjebak dalam gejala ponteng.

Ponteng didefinisikan sebagai lari daripada tanggungjawab atau tugas tanpa kebenaran (Kamus Dewan: 979). Secara umum ponteng sekolah ialah tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah dan di luar pengetahuan ibu bapa atau penjaga. Walaupun begitu ada yang tidak hadir tetapi dalam pengetahuan ibu bapa. Ponteng juga sering dikaitkan dengan isu yang menampilkan pelajar yang tidak berdisiplin dan bermoral rendah. Ponteng sekolah adalah sejenis penyakit lama yang telah berakar umbi semenjak masyarakat kita mengenal alam persekolahan.

Menurut Rasidah bt Omar (2005) pula, ponteng sekolah boleh ditakrifkan sebagai ketidakhadiran pelajar ke sekolah dengan sengaja tanpa sebarang alasan yang munasabah. Masa yang sepatutnya diisikan dengan menimba ilmu pengetahuan di bangku sekolah sebaliknya dihabiskan dengan melakukan aktiviti yang tidak bermanfaat seperti melepak di kompleks membeli belah atau pusat rekreasi dan pusat hiburan.

Ponteng sekolah boleh dibahagikan kepada beberapa tingkat, dari tingkat bawah hingga tingkat tertinggi. Antara tingkat-tingkatnya ialah ponteng hati, ponteng kerana bangun lewat, ponteng kelas dan ponteng sekolah. Walaupun adanya peraturan atau disiplin sekolah yang ketat tetapi seketat mana pun undang-undang dibuat gejala ponteng tetap berlaku. Kajian Kementerian Malaysia (1978) mengenai disiplin meletakkan gejala ponteng sebagai isu utama.

Kegiatan ponteng dilakukan sama ada secara individu atau secara berkelompok. Kebanyakan pelajar yang ponteng sekolah secara berkelompok cenderung untuk memilih sebuah kawasan untuk dijadikan tempat untuk melepak. Masa atau hari untuk ponteng biasanya telah dirancang dan dapat dikenal pasti traitnya. Contohnya kegiatan ponteng sekolah memuncak pada hari Isnin dan Jumaat atau Ahad dan Khamis (PTS, 2005)

Sehubungan dengan itu, sekolah, ibu bapa dan masyarakat perlu sehaluan dan bergabung tenaga dalam menangani masalah ponteng dan akhlak pelajar. Sekiranya masalah ini dibiarkan berterusan, negara tidak akan mencapai seperti mana yang

dikehendaki dalam wawasan 2020 iaitu mewujudkan sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etika dengan warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur (Mahathir, 1991). Wawasan murni yang diharapkan kelak hanya dapat dilihat kepada keratan-keratan akhbar sahaja tanpa berlaku perubahan pada masyarakat jika sekiranya masalah sosial ini tidak diselesaikan dengan segera dan ditangani dengan sebaik mungkin.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Masalah disiplin dan keruntuhan moral remaja pada hari ini menjadi satu isu yang sering diperkatakan pada hari ini. Tuduh menuduh antara satu pihak dengan pihak yang lain sering kedengaran bagi melindungi diri dari masalah yang terjadi.

Isu kemerosotan moral ini meresahkan ibu bapa yang mempunyai anak serta pihak sekolah yang melaksanakan disiplin. Remaja didedahkan dengan pelbagai perkara negatif sama ada melalui media massa, rakan sebaya, alam sekitar serta masyarakat sendiri. Justeru, terjadilah pelbagai masalah seperti ponteng sekolah, ponteng kelas, merokok, melepak, gangsterisme, vandalisme, melarikan diri dari rumah, penagihan najis dadah, bohsia dan bohjan, mencuri, berjudi, peras ugut serta pergaduhan sama ada secara individu atau berkumpulan.

Ponteng adalah salah satu kes salah laku pelajar yang berlaku di semua sekolah rendah dan menengah sama ada bilangannya kecil ataupun besar. Namun ia adalah masalah yang serius membabitkan pihak sekolah, guru, ibu bapa dan masyarakat sekeliling. Ia berlaku tidak kira di sekolah luar bandar ataupun di bandar dan bertambah dari hari ke hari. Masalah ponteng sekolah tiba-tiba menjadi perhatian umum apabila akhbar melaporkan 50% daripada pelajar di sebuah sekolah menengah di Felda Setiu,

Terengganu mencatatkan hanya 50% pelajar sahaja yang ke kelas terutamanya pada hari Ahad dan Khamis. Masalah ponteng sekolah ini telah menarik pandangan semua lapisan masyarakat terutamanya pemimpin dan pendidik. Masalah ini terus menarik perhatian ramai apabila pada 4 dan 5 April 2001 lalu akhbar-akhbar utama negara menyiarkannya secara berturut-turut. Ini menampakan masalah ponteng perlu diberi perhatian yang lebih supaya generasi yang akan datang tidak terjejas kecemerlangannya.

Kes ponteng juga semakin serius. Perangkaan pada tahun 1994 menunjukkan terdapat 5,636 kes ponteng di sekolah menengah (Utusan Malaysia, 1994). Angka ini semakin meningkat kepada 38,053 kes. (Berita Harian, 18 Ogos 2000). Bilangan kes ponteng sekolah menjadi masalah disiplin yang paling tinggi peratusnya berbanding dengan masalah disiplin yang lain. Ini diakui dalam laporan disiplin tahunan 1992 Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Permasalahan ini terjadi dari berbagai faktor seperti faktor kemiskinan, pengaruh rakan sebaya, sikap pelajar itu sendiri dan juga faktor sekolah. Walau apapun faktornya, ponteng menjadi satu penyakit yang merbahaya dan mudah tersebar kepada pelajar lain serta merugikan pelajar, ibu bapa, pihak sekolah dan negara keseluruhannya.

Dalam beberapa kes salah laku pelajar, ponteng sekolah adalah merupakan kes yang sentiasa berlaku di semua sekolah dan ia menjadi masalah yang besar kepada guru, pentadbir sekolah dan ibu bapa. Pelajar yang terlibat akan ketinggalan dalam pelajaran dan juga pencapaiannya dalam akademik akan terjejas. Ini membawa kesan buruk kepada negara, iaitu menjejaskan kecemerlangan generasi akan datang. Mengikut Mohamed Yunus (1994), pelajar yang ponteng sekolah biasanya memberi contoh yang buruk di sekolah. Umumnya mereka mempunyai rasa benci terhadap persekitaran sekolah. Justeru, mereka sering dikaitkan dengan pelbagai masalah disiplin seperti tidak menghiraukan arahan guru, tidak membuat tugas sekolah dan merosakan harta benda sekolah. Hal ini menimbulkan kerisauan kepada guru dan pihak pentadbiran. Gejala ponteng yang berleluasa juga menggambarkan tahap disiplin sekolah telah merosot.



Mengikut Mohamed Yunus (1994) juga, kebanyakan daripada pelajar yang ponteng adalah terdiri daripada mereka yang berumur tiga belas hingga enam belas tahun. Pada peringkat umur lima belas tahun pelajar-pelajar lebih menumpukan masa untuk membuat persiapan bagi menghadapi Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah ( PMR). Begitu juga, kebanyakan daripada mereka yang ponteng adalah pelajar lelaki dan keturunan Melayu. Kajian yang dibuat oleh Jabatan Pendidikan Daerah Johor Bahru bulan Januari 1998 hingga April 1998 sekolah menengah menunjukkan :-

**Jadual 1.1: Jumlah Dan Jenis Kes Ponteng Di Daerah Johor Bahru Jan-April 1998**

<b>Jenis</b>	<b>Jumlah kes</b>
Ponteng Kelas	117
Ponteng Sekolah	446
Ponteng Perhimpunan	47
Ponteng Ko-kurikulum	7
Jumlah Salah laku	617

(Sumber: Unit Hal Ehwal Murid Pejabat Daerah Johor Bahru)

Daripada 1844 kes pelanggaran disiplin dilaporkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah ( PPD ) Johor Bahru, terdapat 617 kes ponteng yang membawa peratusan sebanyak 32.75% daripada kes-kes salah laku yang dilaporkan. Dalam masa hanya empat bulan sahaja, kes ponteng ini sudah menghampiri 40%. Ini jelas menunjukkan gejala ponteng adalah gejala yang semakin serius berlaku. Mengikut analisis salah laku disiplin di sekolah tahun 1999 menunjukkan bahawa kes ponteng mencatat peratus kes sebanyak 38.65 % daripada 98,449 kes dalam 9 jenis salah laku. Ini menunjukkan bahawa kes ponteng ini berlaku di semua sekolah dan menjadi peratus tertinggi dari kes salah laku yang lain.

**Jadual 1.2 : Analisa Disiplin Salahlaku Di Sekolah Tahun 1999**

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan Kes</b>
1.	Ponteng	38,053	38.65
2.	Tingkah laku jenayah	16,215	16.47
3.	Tingkah laku lucah	2,384	2.42
4.	Tiada kekemasan diri	7,693	7.81
5.	Tidak pentingkan masa	8,804	8.94
6.	Kurang sopan	20,844	21.17
7.	Tingkah laku musnah	2,304	2.34
8.	Tidak Jujur	1,394	1.42
9.	Lain-lain(salah laku yang tidak diberi kod dalam buku rekod salah laku)	758	0.77
Jumlah pelajar		98,449	100

(Sumber : Berita Harian 18 Ogos 2000 )

Faktor sekolah dikatakan memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap salahlaku ponteng di sekolah. Menurut Mohamed Yunus (1994), sekolah dengan sendirinya menyebabkan murid-murid itu ponteng. Ini disebabkan oleh keadaan pembelajaran, rancangan sekolah serta guru-guru juga menyebabkan berlakunya pelajar ponteng. Menurut Bakhtiar (1994), ponteng ada hubungannya dengan kerenggangan daripada berbagai-bagai sistem status di sekolah. Mungkin faktor sekolah yang merangkumi aspek kurikulum, guru, kemudahan dan juga kedudukan sekolah yang menjadi penyebab berlakunya kes ponteng. Maka langkah penyelesaian masalah ini perlu ditangani dengan segera.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Akhir-akhir ini akhbar banyak melaporkan kejadian pelanggaran disiplin di kalangan pelajar sekolah yang membabitkan bukan sahaja golongan guru-guru tetapi pihak pentadbir sekolah, sistem kurikulum sekolah dan seterusnya kepada masyarakat umum.

Perlanggaran disiplin adalah sebahagian daripada kajian sosial dan ianya penting dalam menentukan kehidupan berharmoni masyarakat. Salah satu perlanggaran disiplin yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah ialah ponteng.

Terjadinya kes ponteng adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya adalah suasana persekitaran sekolah yang berubah secara mendadak akibat dari proses pembandaran. Pembinaan pusat membeli belah dan pusat-pusat hiburan yang terlalu hampir dengan sekolah akan menjadi faktor penarik kepada gejala ponteng sekolah. Manakala suasana persekitaran dalam sekolah seperti stail kepimpinan pengetua, pendekatan warga guru dan persekitaran sekolah yang tidak kondusif menjadi faktor penolak kejadian ponteng di kalangan pelajar (Tan , 2006).

Pengaruh media elektronik yang saban hari memaparkan tentang gejala ganas dan kebebasan remaja yang keterlaluan banyak mempengaruhi pemikiran golongan muda terutama yang baru meningkat remaja juga menjadi penyumbang kepada berlakunya gejala ponteng. Manakala kurangnya didikan agama dan kasih sayang dari ibu bapa, perasaan ingin tahu serta desakan atau pengaruh dari rakan sebaya boleh menjadi penyebab terjadinya masalah ponteng yang kian sukar dibendung lagi.

Selain itu, faktor sekolah juga menjadi salah satu penyebab kepada permasalahan ponteng dan mengganggu suasana pembelajaran. Mengikut Hussein (1993) pembelajaran yang berkesan datanginya dari suasana sekolah yang tenteram, kerana ketenteraman itu amat kritikal bagi melahirkan pencapaian yang baik di kalangan pelajar. Kewujudan suasana sekolah yang positif dari segi kemudahan sekolah, pengajaran guru, kedudukan sekolah dari aspek pengangkutan pelajar dan pelaksanaan disiplin yang efektif menjamin pembelajaran yang berkesan dan mengurangkan kes-kes salah laku pelajar.

Sikap pelajar yang sukakan hiburan dan mudah terikut-ikut dengan gaya penampilan artis yang mereka minati, seperti memakai pakaian yang berjenama dan stail rambut yang baru, jika tiada wang yang mencukupi, mereka rela ponteng sekolah untuk

bekerja demi mendapat wang. Begitu juga, apabila pelajar tidak berminat dalam sesuatu mata pelajaran dan guru pula tidak berusaha menarik minat mereka, pelajar-pelajar itu akan hilang semangat belajar dan ponteng sekolah.

Kajian perlu dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor utama yang mendorong para pelajar melakukan kegiatan ponteng. Dalam kajian ini, penyelidik akan menyelidik menggunakan soal selidik bagi mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng iaitu faktor sikap pelajar, suasana sekolah, guru, rakan sebaya, keluarga dan media elektronik dengan pendapatan keluarga

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada terdapat masalah fenomena ponteng di kalangan pelajar sekolah menengah. Objektif khusus kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk :

- 1.4.1 Mengetahui sama ada faktor sikap pelajar merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah
- 1.4.2 Mengetahui sama ada faktor suasana sekolah merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah
- 1.4.3 Mengetahui sama ada faktor guru merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah

- 1.4.4 Mengetahui pasti sama ada faktor rakan sebaya merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah
- 1.4.5 Mengetahui pasti sama ada faktor keluarga merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah
- 1.4.6 Mengetahui pasti sama ada media elektronik merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah
- 1.4.7 Untuk mengetahui jenis ponteng yang paling dominan seperti ponteng hati, ponteng kerana bangun lewat, ponteng kelas dan ponteng sekolah di kalangan pelajar yang terlibat dalam kes ponteng

## **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan masalah yang dinyatakan, persoalan-persoalan utama yang menjadi kajian ialah:

- 1.5.1 Apakah faktor sikap pelajar merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah?
- 1.5.2 Apakah faktor suasana sekolah merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah?
- 1.5.3 Apakah faktor guru merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah?

- 1.5.4 Apakah faktor rakan sebaya merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah?
- 1.5.5 Apakah faktor keluarga merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah?
- 1.5.6 Apakah faktor media elektronik merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah?
- 1.5.7 Apakah jenis ponteng yang paling dominan seperti ponteng hati, ponteng kerana bangun lewat, ponteng kelas dan ponteng sekolah di kalangan pelajar yang terlibat dalam kes ponteng
- 1.5.8 Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara faktor ponteng sekolah seperti sikap pelajar, suasana sekolah, guru, rakan sebaya, keluarga dan media elektronik dengan pendapatan keluarga?
- 1.5.9 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis gejala ponteng iaitu seperti ponteng hati, ponteng kerana bangun lewat, ponteng kelas dan ponteng sekolah di kalangan pelajar yang terlibat dalam kes ponteng dengan jantina?
- 1.5.10 Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara jenis gejala ponteng iaitu seperti ponteng hati, ponteng kerana bangun lewat, ponteng kelas dan ponteng sekolah di kalangan pelajar yang terlibat dalam kes ponteng dengan pencapaian pelajar yang terlibat dalam kes ponteng?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis null dibentuk untuk mencapai objektif kajian adalah seperti berikut:

- Ho 1.0 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng iaitu faktor sikap pelajar, suasana sekolah, guru, rakan sebaya, keluarga dan media elektronik dengan pendapatan keluarga
- Ho 1.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor yang menyebabkan ponteng iaitu sikap pelajar dengan pendapatan keluarga
- Ho 1.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor yang menyebabkan ponteng iaitu suasana sekolah dengan pendapatan keluarga
- Ho 1.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor yang menyebabkan ponteng iaitu guru dengan pendapatan keluarga
- Ho 1.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor yang menyebabkan ponteng iaitu rakan sebaya dengan pendapatan keluarga
- Ho 1.5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor yang menyebabkan ponteng iaitu keluarga dengan pendapatan keluarga
- Ho 1.6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor yang menyebabkan ponteng iaitu media elektronik dengan pendapatan keluarga

## 1.7 Rasional Kajian

Memandangkan masalah ponteng di sekolah adalah masalah yang sudah lama bertapak di negara kita, sama ada disedari atau tidak. Masalah ponteng ini adalah disebabkan oleh tekanan dan permasalahan yang wujud di dalam persekitaran. Terdapat banyak faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum kita menuding jari siapa penyumbang utama isu ini.

Gejala pelajar ponteng sekolah merupakan duri dalam daging yang perlu ditangani segera. Kesan-kesan negatif yang lahir akibat daripada ponteng semakin ketara dan membimbangkan. Menurut Noraini (2002) pelajar-pelajar yang tidak memberikan sokongan dan kemudahan dalam program yang dilaksanakan di sekolah adalah pelajar yang tidak berminat meneruskan pelajaran. Pelajar ini ponteng dan melepak di pusat membeli belah di Kuala Lumpur.

Kes-kes yang melibatkan pelajar terlibat dalam perlakuan ponteng turut dilaporkan oleh pelbagai akhbar masa ini. Hal ini amatlah merungsingkan ibu bapa, masyarakat, pihak sekolah dan pihak Kementerian Pelajaran. Oleh yang demikian kajian ini wajar dijalankan untuk membantu para ibu bapa dan masyarakat mengambil langkah-langkah tertentu dan menambah pengawasan terhadap anak-anak remaja mereka. Persatuan Ibu Bapa dan Guru juga dapat meningkatkan kefahaman dan memberikan kerjasama yang maksimum untuk membanteras kejadian-kejadian ponteng di kalangan pelajar. Pihak Kementerian Pelajaran selaku institusi yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sistem pendidikan negara selanjutnya boleh menggunakan dapatan daripada kajian ini untuk merangka dan menambahbaik kurikulum sedia ada untuk kebaikan pelajar akan datang.



## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan akan dapat memberikan satu andaian yang sebenar apakah faktor-faktor yang utama membawa kepada tingkah laku ponteng sekolah. Hasil kajian ini juga sekurang-kurangnya dapat memberikan gambaran kepada pihak tertentu, bagaimana faktor sikap pelajar, suasana sekolah, guru, rakan sebaya, keluarga dan media elektronik yang mendorong pelajar ke arah perbuatan salah laku ponteng sekolah.

Hasil kajian juga diharapkan akan dapat memberikan maklumat kepada pengetua, Penolong kanan Hal Ehwal Murid, guru disiplin dan para guru akan punca-punca berlakunya masalah ponteng di Sekolah Menengah Kebangsaan daerah Johor Bahru, dan seterusnya merangka, merancang dan melaksanakan tindakan untuk memperbaiki disiplin pelajar.

Selain itu diharapkan kajian ini akan dapat menyediakan maklumat dan bukti kajian kepada pihak Kementerian Pelajaran tentang masalah-masalah ponteng yang wujud di Sekolah Menengah daerah Johor Bahru.

Selain daripada itu, diharapkan kajian ini akan dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa. Dengan ini mereka akan mendidik anak-anak mereka sejak kecil lagi dan meluangkan masa yang lebih supaya mengetahui gerak-geri pelajar, mengetahui perkembangan anak-anak di sekolah dan melibatkan diri dengan aktiviti di sekolah serta dapat menceburi bidang yang baik. Secara tidak langsung akan dapat membanteras gejala ponteng di kalangan pelajar Sekolah Menengah daerah Johor Bahru.

Di samping itu hasil kajian ini dapat menyediakan sumber rujukan dan maklumat kepada penyelidik lain yang berminat untuk mengkaji secara lebih terperinci dan mendalam berkaitan dengan masalah ponteng di kalangan pelajar Sekolah Menengah daerah Johor Bahru.

## **1.9 Batasan kajian**

Kajian ini hanya dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Johor Bahru yang melibatkan pelajar tingkatan dua dan empat yang pernah melakukan salah laku ponteng. Sekolah-sekolah di Daerah Johor Bahru dipilih kerana kedudukannya yang terletak dalam persekitaran yang sedang pesat membangun. Sampel hanya melibatkan pelajar tingkatan dua dan empat bagi memudahkan kajian kerana mereka tidak terlibat dengan peperiksaan awam. Kajian ini hanya menumpukan pada aspek faktor sikap pelajar sendiri, faktor suasana sekolah, guru, rakan sebaya, keluarga dan media elektronik. Ponteng berlaku di semua sekolah sama ada sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Kajian ini hanya dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Johor Bahru, oleh itu ianya tidak boleh digunakan untuk menerangkan bahawa keadaan yang sama di semua sekolah di Malaysia.

## **1.10 Definisi Istilah**

Kajian yang dijalankan ini melibatkan penggunaan beberapa istilah penting. Dalam kajian ini terdapat beberapa konsep dan istilah yang perlu dijelaskan serta penggunaan beberapa takrifan khusus yang mempunyai pengertian tertentu. Definisi takrifan tersebut adalah seperti yang diberikan di bawah :-

### **1.10.1 Sikap Pelajar**

Sikap didefinisikan sebagai satu predisposisi atau kecenderungan untuk sesuatu respon dengan cara-cara tertentu terhadap dunia sekitarnya, baik berupa individu-individu atau objek-objek tertentu ( Baharom, 1999 ). Keperibadian menyangkut semua aspek daripada seseorang, ianya meliputi fizikal mahupun mental, baik yang dibawa sejak lahir mahupun yang diperoleh daripada pengalaman ( Wayan, Sunartana, 1986 ).

Menurut Kamus Dewan (1996) menakrifkan pelajar sebagai murid atau penuntut. Pelajar adalah golongan orang yang belajar atau menuntut di sekolah, maktab atau universiti.

Dalam kajian ini sikap pelajar bermaksud keperibadian pelajar tingkatan dua dan empat dari Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Johor Bahru, Johor yang menyangkut semua aspek daripada seseorang yang meliputi fizikal mahupun mental, baik yang dibawa sejak lahir mahupun yang diperoleh daripada pengalaman (Wayan, Sunartana, 1986).

### **1.10.2 Suasana Sekolah**

Suasana merujuk kepada perasaan seseorang individu memasuki sesuatu tempat. Sesuatu persekitaran mungkin memberi perasaan sunyi, aman, menarik, buruk, menggerunkan. Suasana sesuatu tempat dihasilkan melalui ketertiban, keamatan cahaya, bunyi, tekstur, warna, suhu dan bau.

Menurut Omardin (1996), suasana sekolah dapat dirujuk dari segi sudut ekologi atau secara mudahnya ia merujuk kepada faktor-faktor fizikal seperti bangunan dan tapak, keindahan taman, kemudahan alatan dan bahan. Jelasnya bahawa persekitaran dan

ekologi yang baik dapat mempengaruhi suasana pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah. Dalam kajian ini, suasana merujuk kepada keadaan dalam sekolah dan keadaan dalam bilik darjah.

### **1.10.3 Faktor Guru**

Menurut Abdullah Yahaya (2005), guru adalah golongan yang hampir dengan pelajar selepas ibu bapa. Malah dalam agama Islam, guru adalah orang kedua yang perlu dihormati selepas ibu bapa.

Menurut Kamus Dewan (1996) menakrifkan guru ialah orang yang kerjanya mengajar, sebagai seorang pengajar atau pendidik. Dalam kajian ini guru yang dimaksudkan ialah guru yang mengajar pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat di sekolah menengah kebangsaan di daerah Johor Bahru.

### **1.10.4 Pengaruh Rakan Sebaya**

